

Insentif, pengecualian caj bina rumah kos rendah

UM 16/11

IPOH 15 Nov. - Kerajaan negeri akan memperkenalkan pemberian insentif dan pengecualian caj mulai tahun depan yang dikhususkan untuk pembangunan rumah kos rendah selama dua tahun sehingga 31 Disember 2018.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, insentif tersebut meliputi pemo-tongan bayaran premium tanah antara 71 hingga 75 peratus, menjadikannya hanya RM100 bagi tiap-tiap unit yang akan dibangunkan berdasarkan kaedah tuntutan semula setelah pembinaan selesai dilaksanakan.

"Caj pemajuan yang sebelum ini dikenakan 25 peratus telah dikurangkan kepada 10 peratus pada 2015. Namun, atas keprihatinan kerajaan negeri, saya ingin umumkan bahawa caj pemajuan ini akan dikurangkan lagi kepada lima peratus khusus untuk pem-

angunan rumah kos rendah.

"Kerajaan negeri juga memberi pengecualian sepenuhnya bagi tujuh lagi caj yang sebelum ini ditanggung oleh pemaju iaitu bayaran kebenaran merancang, pelan kerja tanah, pelan pembangunan dan penyelidikan, bayaran papan 'hoarding', permit rumah kongsi, permit papan tanda serta pelan lampu jalan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Bajet 2017 negeri dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Menurut Zambry, kerajaan negeri berhasrat merealisasi pembinaan 1,200 unit rumah kos rendah yang terbahagi kepada dua kategori iaitu masing-masing berharga RM42,000 dan RM70,000 seunit, bergantung kepada keluasan binaan rumah.

Menurut Zambry, pembinaan rumah berkenaan bertujuan

membantu golongan B40 memiliki kediaman sendiri yang mana penyediaannya masih dilihat kurang mendapat sambutan daripada pemaju berbanding perumahan mampu milik.

"Sebagai permulaan operasi tahun 2017, kerajaan negeri menyediakan sebanyak RM6 juta sebagai geran pengurusan serta RM12 juta lagi untuk pembangunan perumahan dan hartanah kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) yang telah berkuat kuasa pada 1 Oktober lalu.

"Selain itu, pelaksanaan program Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA) dan Skim Infra Bina Baharu dan Baik Pulih Kediaman melalui Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR), masing-masing akan diteruskan pada tahun 2017 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta dan RM5 juta," katanya.